

BRIEFING NOTE

YBRS TUAN KHAIRUL AMIR BIN MOHAMAD ZUBIR

YANG DIPERTUA MAJLIS PERBANDARAN TAIPING

UNTUK MESYUARAT PENUH

BIL 3/2020 PADA 1 JULAI 2020

1.0 CABUTAN BERTUAH PROGRAM INSENTIF CUKAI TAKSIRAN 2020 (PICT2020) HARGAI PEMBAYAR CUKAI

Sejak Cabutan Bertuah Program Insentif Cukai Taksiran diperkenalkan beberapa tahun yang lalu, pembayaran setahun Bil Cukai Taksiran telah meningkat tahun demi tahun. Peningkatan yang berlaku ini adalah tanda-tanda positif wargakota Taiping menyambut baik pembayaran setahun Bil Cukai Taksiran dan seterusnya berpeluang menyertai Cabutan Bertuah yang dijalankan oleh pihak MPT. Pada tahun ini, pembayar cukai taksiran secara setahun tanpa tunggakan berpeluang memenangi cabutan bertuah iaitu Hadiah Bonanza sebuah Kereta Proton NEW SAGA 1.3 AT dan pelbagai hadiah saguhati berupa barangan elektrik. Sebanyak 5,000 mug eksklusif daripada pihak MPT diperuntukan pada edisi kali ini kepada pembayar awal.

PICT2020 yang bermula pada 1 Januari 2020 hingga pada 29 Februari 2020 telah berjaya mengutip hasil cukai taksiran sebanyak RM12.4 juta dengan penyertaan lebih 34,500 pemilik harta berbanding tahun lepas iaitu 28,500 penyertaan sepanjang tempoh program. MPT mensasarkan kutipan bagi tahun 2020 untuk kutipan semasa cukai taksiran sebanyak RM23 juta manakala kutipan tunggakan cukai taksiran berjumlah RM5 juta daripada 16,000 pemilik berhutang.

2.0. PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN PEMULIHAN (PKPP) BERI IMPAK POSITIF PADA SEKTOR PELANCONGAN TAIPING

Keputusan kerajaan membenarkan rentas negeri dan pelancongan domestik telah memperlihatkan permulaan positif bagi industri pelancongan taiping untuk bangkit semula selepas berbulan-bulan mengalami kemerosotan impak pandemik COVID-19.

Sejak dibuka semula pada 15 Jun 2020 sehingga 29 Jun 2020, Zoo Taiping menerima kunjungan sebanyak 22,266 pengunjung & Night Safari menerima kunjungan sebanyak 1,744 pengunjung. Secara keseluruhan Zoo Taiping & Night Safari menerima kunjungan sebanyak 24,010 pengunjung dari dalam dan luar negeri. Perkembangan ini cukup memberangsangkan dan kesemua hotel serta produk-produk pelancongan di Taiping dapat mengambil kesempatan dengan kehadiran ramai pelancong mengunjungi Bandar Taiping.

Namun perlu diingatkan semua pihak agar mematuhi Prosedur Operasi Standard (SOP) yang ditetapkan Majlis Keselamatan Negara dan Kementerian Kesihatan (KKM), termasuk memastikan penjarakan sosial dipatuhi pada setiap masa dan mengehadkan jumlah pengunjung berdasarkan kapasiti ruang serta saiz kawasan bagi mengekang penularan wabak COVID-19.

3.0. INISIATIF MPT BAGI MEMBANTU MISKIN BANDAR

Pihak MPT sedang membuat bancian untuk mengumpul maklumat Ketua Isi Rumah (KIR) yang tinggal di rumah sendiri tetapi keadaan rumah mengalami kerosakan yang teruk disebabkan faktor usia atau bencana tetapi masih ekonomik untuk dibaiki berdasarkan kadar bantuan yang telah ditetapkan. Bantuan Baik Pulih Rumah Daif di Bandar melibatkan komponen-komponen asas rumah sahaja seperti bumbung, atap, siling, tangga, dapur, tandas, bilik air, pintu, dinding, lantai simen / kayu, tingkap, perparitan (*perimeter drain* / saluran keluar), pembentungan / kumbahan dan pendawaian elektrik serta tidak melibatkan struktur asas rumah. Bantuan baik pulih hanya untuk rumah sesebuah / rumah berkembar / teres (*landed property* sahaja). Bantuan Rumah Sejahtera yang hanya untuk rumah sesebuah (*landed property* sahaja) bagi membina rumah baru melibatkan keadaan rumah yang tidak selamat untuk didiami atau disebabkan faktor musibah seperti kebakaran, banjir, ribut, dan tanah runtuh. Sekiranya KIR tidak memiliki tanah sendiri, KIR perlu mendapatkan kebenaran bertulis daripada tuan tanah / waris berkenaan untuk membina rumah atas tanah / tapak yang dikenalpasti. KIR atau sesiapa yang mempunyai maklumat tentang perkara ini boleh menyalurkan maklumat kepada Encik Isyaidi di talian

0194722120 untuk pihak MPT membuat siasatan bagi menyalurkan bantuan ini.

4.0 TAWARAN RUANG MENIAGA UNTUK DISEWA

MPT menawarkan ruang meniaga kepada mereka yang hilang pekerjaan ketika tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Sebagai inisiatif bagi membantu kerajaan mengurangkan kadar pengangguran yang berlaku kesan penularan wabak COVID-19, orang ramai disaran merebut peluang untuk memulakan perniagaan dengan menyewa Gerai Makanan, Gerai Jualan, dan Ruang Meniaga di Pasar Awam milik MPT dengan kadar sewa bulanan serendah RM 20 hingga RM 500. Antara lokasi sewaan adalah di Paras 1 hingga Paras 3 Plaza Perbandaran Taiping, Gerai Wakaf di Jalan Masjid, Tingkat 1 di Wisma Sri Taiping, Pasar Makanan Siang Malam, Gerai di Stesen Bas Kampung Jambu, dan lain-lain. Bagi memulakan perniagaan, orang ramai dinasihatkan memperkasakan ilmu keusahawanan dibawah institusi seliaan Kementerian Pertanian dan Industri Makanan, Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi serta MARA dibawah Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA). Borang permohonan boleh dibeli mulai 29 Jun 2020 dengan harga RM 2.00 di Kaunter Bahagian Sewaan, Tingkat Bawah, Wisma Perbandaran Taiping. Selain borang boleh diperolehi di Kaunter, orang ramai boleh mendapatkannya

menerusi laman sesawang mptaiping.gov.my serta melihat senarai sewaan. Tarikh tutup permohonan adalah sebelum atau pada 10 Julai 2020 jam 12.00 tengahari.

5.0 PENUTUPAN BILIK GERAKAN COVID-19 MPT

Operasi Bilik Gerakan COVID-19 MPT menggunakan talian 0108003433 yang mula beroperasi pada 23 Mac 2020 telah ditamatkan pada 30 Jun 2020. Fungsi Bilik Gerakan adalah bagi memudahkan penduduk membuat aduan, mendapatkan info secara terus dari pihak MPT khususnya yang melibatkan para peniaga dan penjaja sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan. Objektif Bilik Gerakan telah mencapai sasaran dengan membantu mengurangkan pergerakan serta memberi penjelasan yang lebih tepat dan sahih kepada wargakota Taiping. Sebarang pertanyaan mengenai SOP sepanjang PKPP, orang ramai boleh hubungi Majlis Keselamatan Negara (MKN) Perak di talian 052451089.

5.0 PELIHARA INTEGRITI MELALUI MAJLIS MELAFAZ DAN IKRAR BEBAS RASUAH

Majlis melafaz dan menandatangani Ikrar Bebas Rasuah yang akan berlangsung sebentar lagi adalah bagi menyahut seruan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dalam usaha mencegah rasuah.

Ikrar ini juga membuktikan komitmen yang jitu MPT untuk menggalakkan nilai-nilai integriti dan tadbir urus yang baik ke arah merealisasikan misi dan visi MPT. Ini adalah sebahagian usaha berterusan MPT untuk memupuk nilai-nilai murni dalam menjadikan MPT sebagai sebuah organisasi berprestasi tinggi, cekap, mesra, bertanggungjawab, amanah, dan berintegriti.